

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 7 APRIL 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-000-L41164
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - (a) sampai manakah keberkesanan strategi Kerajaan di dalam usaha pembasmian kemiskinan tegar di negeri Sabah; dan
 - (b) apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memangkinkan transformasi ekonomi rakyat luar bandar negeri Sabah yang majoritinya masih hidup di bawah paras kemiskinan nasional.
2. PR-000-L41217
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perancangan dan usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah hakisan pantai di negeri Terengganu seperti Pantai Tok Jembal Kuala Nerus, Telok Lipat Dungun, Rhu Rendang Marang dan Telok Kalong Kemaman.
3. PR-000-L42044
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan baru-baru ini Kerajaan telah mewujudkan Talent Corporation, bertujuan untuk menarik minat anak-anak Malaysia yang berkepakaran tinggi untuk pulang ke tanah air sama ada mereka yang telah pulang sebelum wujudnya skim ini dapat dimanfaatkan di bawah skim ini.

4. PR-000-L42331

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dari tahun penubuhannya sehingga kini serta apakah platform yang disediakan oleh Kerajaan kepada graduan ini setelah tamat pengajian dalam memastikan khidmat mereka dikembalikan kepada negara dalam mengangkat kebudayaan dan seni warisan negara.

5. PR-000-L41926

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah perbezaan utama yang diterapkan di dalam peralihan sistem pendidikan sekolah rendah daripada sistem KBSR kepada sistem sekarang dan bagaimana ianya akan dapat mencapai matlamat pendidikan negara.

6. PR-000-L41630

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah penduduk dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur masa kini dan sejauh mana matlamat untuk menambah bilangan penduduk telah dicapai dari segi peratusan dan bilangannya, sebagaimana yang di syor dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur supaya taburan demografi sejajar dengan pembangunan dan perkembangan Kuala Lumpur itu sendiri.

7. PR-000-L41304

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan yang dilakukan terhadap pendatang-pendatang tanpa izin dan dengan izin khususnya warga Afrika dan Korea di negara ini memandangkan sehingga kini terdapat banyak kawasan-kawasan seperti "little Korea" di Ampang seolah-olah negara ini bagaikan negara mereka sendiri. Sejauh manakah pengawasan kadar jenayah di kawasan-kawasan seperti ini.

8. PR-000-L41840

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah nilai terkini harta wakaf, harta pusaka serta nilai kutipan zakat seluruh negara yang terkini serta apakah langkah memperbaiki pengurusannya terutama aspek pengagihannya.

9. PR-000-L42733

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi mengatasi ketidaaan rumah rakyat termiskin di bandar Bahau, Jempol, Negeri Sembilan.

10. PR-000-L41566
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kajian dibuat terhadap tahap keselamatan bas ekspres dua tingkat yang beroperasi dengan meluas sekarang.
11. PR-000-L42408
Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian dalam membantu isteri-isteri yang telah diceraikan suami, di mana mereka terpaksa melalui proses mahkamah syariah yang panjang sehingga menyebabkan berlaku penganiayaan dan wujudnya tanggapan negatif masyarakat terhadap kredibiliti mahkamah syariah dalam menegakkan keadilan.
12. PR-000-L41514
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah kemalangan bas ekspres dalam tahun 2009 dan 2010; dan
 - (b) perancangan yang dibuat dalam mengatasi masalah kemalangan melibatkan bas ekspres.
13. PR-000-L42720
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan selama 40 tahun paip-paip saluran air tidak diperbaharui dan ini menyebabkan tekanan air yang begitu rendah, ada masa pula, di kawasan yang tanah tinggi bekalan air tidak sampai langsung. Apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
14. PR-000-L41425
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan tanah Kerajaan di Jalan Imbi, Kuala Lumpur yang dijualkan kepada 1Malaysia Development Berhad dari segi kos, keluasan tanah dan projek yang dicadangkan dan peluang yang ditawarkan kepada peniaga dan rakyat Malaysia sendiri.
15. PR-000-L41994
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah penerangan Perth - Kuching akan dilaksanakan kembali.
16. PR-000-L42849
Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh mana keberkesan pemantauan harga yang ada sekarang dalam mengawal kenaikan harga barang.

17. PR-000-L41679
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah Kementerian tidak berminat untuk mendirikan Maktab Rendah Sains MARA Segamat yang tapaknya telah diperoleh dan terletak di dalam kawasan Parlimen Sekijang.
18. PR-000-L42864
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) berapakah purata *Unit Development Cost (UDC)* bagi medan-medan minyak di seluruh Malaysia yang dibangunkan; dan
 - (b) adakah kos tersebut kompetitif.
19. PR-000-L41455
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah seriusnya wabak penyakit kuku dan mulut (FMD) yang menyerang ternakan lembu tenusu, khususnya di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu dan nyatakan langkah kawalan yang telah diambil dan bantuan yang telah diberikan kepada penternak.
20. PR-000-L41807
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang kekecohan pendapat antara Jemaah Menteri dan Peguam Negara mengenai cadangan pindaan ke atas Akta Mesin Cetak dan Penerbitan supaya ianya merangkumi penerbitan '*online*'. Apakah ini satu taktik untuk menyekat kebebasan orang awam untuk memperoleh informasi '*online*' ala WikiLeaks dan Sarawak Report.
21. PR-000-L42258
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tindakan selalu lambat diambil terhadap mereka yang mengeluarkan sesuatu kenyataan sensitif melibatkan soal perpaduan, perkauman, agama dan institusi raja terutama di dalam blog.
22. PR-000-L41454
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan komitmen, jaminan dan pelaksanaan semangat '*federalism*' yang diamalkan di negara ini sejak merdeka. Adakah Kerajaan sedar terdapatnya beberapa kerentahan birokrasi dan juga beberapa insiden yang dianggap melanggar semangat ini hingga menyebabkan berlakunya ketidak adilan hak negeri-negeri dewasa ini.

23. PR-000-L41649
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bolehkah Kementerian ini meluluskan dan seterusnya membangunkan sebuah institusi kemahiran atau Kolej Komuniti di Kapit dalam masa terdekat ini kerana rakyat di sini amat memerlukan kemudahan yang sedemikian.
24. PR-000-L41806
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenyataan Datuk Dr. Zainal Aznam Mohd Yusof, ahli NEAC merangkap penggubal Model Baru Ekonomi (MBE) telah digugurkan daripada versi muktamad MBE disebabkan bantahan NGO-NGO seperti PERKASA. Apakah '*political will*' Kerajaan dalam agenda ini.
25. PR-000-L41364
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan terhadap generasi kedua pekerja ladang (sawit dan getah). Adakah Kerajaan berpuas hati terhadap layanan pemilik-pemilik ladang terhadap pekerja mereka terutamanya dari segi pendapatan dan khususnya sewaktu harga komoditi getah dan sawit melambung tinggi.
26. PR-000-L41746
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah keluarga dan orang yang ditimpa banjir di setiap negeri dari tahun 2010 hingga sekarang; dan
 - (b) jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada setiap negeri semasa bencana-bencana lain dalam tempoh yang sama.
27. PR-000-L41147
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permit lulus (*approved permit*) untuk kereta yang telah dikeluarkan sejak 2009 dan berapa dari jumlah ini adalah untuk kenderaan *hybrid*.
28. PR-000-L42586
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan yang diterima sejak tahun 2005 terhadap kealpaan doktor Kerajaan dan swasta, serta senaraikan butiran terperinci mengikut jenis aduan.
29. PR-000-L41716
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan dalam mengatasi masalah kemudahan asas seperti kemudahan elektrik, bekalan air bersih dan jalan-jalan penghubung antara kampung di Sabah dan Sarawak.

30. PR-000-L42399
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil kebelakangan ini untuk menaik taraf rangkaian jalan raya Persekutuan di Sarawak.
31. PR-000-L41310
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kebenarannya dakwaan yang mengatakan antara punca peningkatan kemalangan jalan raya adalah penggunaan alat ganti tiruan kenderaan. Berapakah jumlah penggunaan alat ganti tiruan ini dan nyatakan negara-negara pengeluarnya yang diimport oleh negara ini.
32. PR-000-L42518
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional menukuhan jawatan Duta Khas dan lingkungan kerja (*scope of work*) Datuk Seri S.Samy Vellu; semua kos berkenaan termasuk gaji/elaun beliau, lokasi pejabat, berapa kakitangan diperuntukkan dan adakah tugas beliau bertindih dengan Duta kita di negara lain terutamanya di India.
33. PR-000-L42525
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skim yang sedia ada yang boleh membantu mangsa-mangsa akibat tanah runtuh dan banjir di Batu Sapi dan juga mangsa-mangsa rumah musnah akibat banjir / tanah runtuh.
34. PR-000-L41962
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- jumlah bayaran pencen dan bantuan kepada bekas tentera Malaysia dan juga warganegara yang jadi bekas tentera British; dan
 - nyatakan bilangan yang terlibat dan jumlah wang yang perlu dibayar setiap bulan.
35. PR-000-L41527
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- jumlah dan bentuk perbelanjaan Kementerian kepada petani atau pekebun akibat bencana banjir dan apakah langkah jangka panjang mengatasi kemusnahan akibat bencana ini; dan
 - bentuk bantuan yang Kementerian boleh keluarkan kepada petani yang mengalami kerugian akibat bencana alam.

36. PR-000-L42055

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bidang kuasa yang diberikan kepada pihak universiti dalam menetapkan peraturan-peraturan berkaitan dengan perjalanan pilihan raya di seluruh kampus dalam negara.

37. PR-000-L41349

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Kementerian sebelum ini telah melancarkan kursus MLVK bagi memberi kemudahan golongan belia mendapatkan kemahiran terutamanya dalam bidang komputer dan ICT. Ia dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai syarikat yang melibatkan kaum belia atau yang lainnya. Berapakah jumlah pelajar yang dilahirkan, perbelanjaan Kementerian dan berapa ramaikah antara mereka yang berpeluang mendapat pekerjaan baik dengan Kerajaan mahupun swasta serta apakah yang terjadi dengan program berkenaan masa kini.

38. PR-000-L42186

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa peratusan dan bilangan anggota Polis dalam kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan yang ditugaskan untuk mencegah jenayah berbanding dengan anggota polis dalam urusan kerja pentadbiran, *Special Branch* dan lain-lain; dan
- (b) nombor bilangan jenis kes jenayah mengikut kategori yang berlainan pada tahun 2008, 2009 dan 2010.

39. PR-000-L43048

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk menghantar dengan lebih kerap ustaz, ustazah dan pensyarah bertauliah untuk menggiatkan aktiviti syarahan agama dan aktiviti keagamaan di luar bandar dan pulau-pulau di Kawasan Parlimen Tanjong Manis; dan
- (b) sama ada Kementerian dapat memberi lebih dana untuk perjalanan dan bahan ilmiah serta buku-buku agama bagi ustaz dan ustazah berdakwah ke kampung-kampung dan pulau-pulau di Tanjong Manis.

40. PR-000-L42799

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian mengikut kelas dan sejauh mana kejayaan kontraktor kelas F Bumiputera dapat keluar daripada kategori ini kepada kelas yang lebih tinggi.

41. PR-000-L42443

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan dan langkah yang dijalankan dalam memastikan isu keselamatan dan kebajikan penuntut dan warganegara Malaysia yang berada di luar negara selain dari Mesir. Serta apakah terdapat sebarang cadangan untuk mengambil langkah pencegahan dengan memberi amaran dan mengeluarkan mereka dengan lebih awal seandainya berlaku kemungkinan yang sama.

42. PR-000-L42980

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah drastik yang telah dilakukan untuk membendung masalah kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun yang dilaporkan hilang seramai 4 orang setiap hari secara purata.

43. PR-000-L41186

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana selaku Perdana Menteri Malaysia, YAB boleh mengatasi rintangan tersurat dan tersirat, dalam tekad dan usaha menjelmakan konsep 1 Malaysia menjadi realiti kepada rakyat.

44. PR-000-L41937

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan Jambatan Durin di Sibu. Mengapa jambatan tersebut hanya mempunyai 2 lorong ketika jalan menghubungkan kedua-dua belah jambatan mempunyai 4 lorong.

45. PR-000-L41340

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakan pakai semula Sistem Maklumat Murid (SMM) untuk pemilihan penerima kemudahan Program Rancangan Makanan Tambahan Sekolah (RMTS) dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bagi menggantikan sistem Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) bagi memastikan keberkesanan dan kelincinan penyaluran kemudahan serta mengelakkan ketidakpuasan hati ibu bapa dari golongan miskin.

46. PR-000-L41805

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Seksyen 20 (3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memerlukan kebenaran Menteri untuk merujuk aduan oleh pekerja ke Mahkamah Perusahaan. Ini bertentangan dengan hak seorang rakyat termasuk pekerja untuk membawa majikan ke mahkamah tanpa sebarang halangan. Bolehkah S20 (3) itu dimansuhkan

47. PR-000-L41894
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membendung kenaikan harga ikan dan sayur-sayuran di Sabah yang telah melambung tinggi sekarang ini.
48. PR-000-L41703
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci bilangan isi rumah negeri Sarawak yang tidak mendapat bekalan asas air, elektrik dan perhubungan yang masih belum memuaskan mengikut kawasan Parlimen pada tahun 2010.
49. PR-000-L41871
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berlakunya semula krisis air di Lembah Klang berikutan penstrukturkan semula industri air di Selangor yang kini menemui jalan buntu.
50. PR-000-L42499
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk menangani masalah penguatkuasaan sesuatu perintah nafkah anak/ isteri, mutaah dan harta sepencarian yang diperoleh daripada mana-mana Mahkamah Syariah; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang membuat suatu peruntukan membolehkan pihak-pihak berkaitan menguatkuasakan sesuatu penghakiman itu di Mahkamah Sivil atau menggunakan sistem Mahkamah Sivil sedia-ada yang kelihatan lebih berkesan.
51. PR-000-L42866
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah Program 10 Tan telah berjaya dan nyatakan di kawasan-kawasan terlibat.
52. PR-000-L42250
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tarikh Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) diumumkan memandangkan masyarakat mengambil berat mengenai isu tersebut.

53. PR-000-L41612
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan pencapaian awal Talent Corporation (dari segi statistik serta program yang telah dan bakal dilaksanakan) selepas ianya dilancarkan pada Januari 2011 yang lalu di dalam usaha menarik pakar tempatan yang bermastautin di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia.
54. PR-000-L41996
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan serta penyediaan laporan kemajuan bagi projek-projek yang diumumkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).
55. PR-000-L42817
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan pembinaan dan penambahbaikan sekolah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di negeri Sabah.
56. PR-000-L42538
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah lagi kegunaan 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.
57. PR-000-L42699
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi peniaga-peniaga kecil dan kontraktor kelas F Bumiputera yang sehingga kini masih bergantung kepada projek-projek kecil Kerajaan.
58. PR-000-L41301
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) melengkapkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) untuk melahirkan insan seimbang dari segi JERI, dengan memberi penekanan terhadap amalan bersukan di kalangan murid agar sihat dari segi jasmani. Apakah kemudahan yang diberi kepada guru dan sekolah untuk tujuan ini.
59. PR-000-L42730
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca inflasi yang dialami di negara ini dan langkah-langkah konkret bagi membantu rakyat berpendapatan rendah menjalani hidup dengan pertumbuhan yang diramalkan menguncup ke paras 4-5% untuk 2011, pengurangan daya beli, sedangkan kos saraan terus meningkat.

60. PR-000-L42652

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jawapan Menteri kepada soalan saya bertarikh 16 Jun 2009 (Selasa) yang menyatakan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM985 juta untuk membina dua saluran lencongan termasuk kos kerja-kerja pengambilan tanah berjumlah RM536 juta, sehingga kini tidak nampak hasilnya, sehingga menyebabkan banjir berlaku pada bulan November 2010 yang lalu.

61. PR-000-L43021

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah sumbangan sektor petroleum dan gas kepada pendapatan Kerajaan Malaysia setiap tahun semenjak PETRONAS ditubuhkan pada 1976 dan apakah kadar sumbangan oleh Kerajaan Persekutuan dari segi royalti dan pembangunan kepada negeri-negeri pengeluaran minyak berbanding pendapatan yang diperoleh.

62. PR-000-L41880

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) status usaha-usaha yang telah diambil untuk menambah bilangan doktor pakar khasnya dari luar negara di Hospital Besar Sarikei; dan

(b) rancangan-rancangan Kementerian menaik taraf Hospital Sarikei sebagai hospital pakar dan bilangan doktor pakar dan bidang mereka telah diambil dari luar negara berkhidmat di negara ini dari tahun 2008 hingga 2010.

63. PR-000-L41400

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan rancangan Projek Kereta Api Laju Pantai Timur dan bila akan disiapkan. Berapakah jumlah kos perbelanjaan apabila siap nanti serta nyatakan jajaran yang akan dilaluinya.

64. PR-000-L42838

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menangani lambakan ubat-ubatan palsu di Malaysia.

65. PR-000-L42022

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah adanya perancangan untuk menyediakan satu "*masterplan*" bagi pembangunan kawasan Bakun sebagai salah satu pusat pelancongan terutamanya ekopelancongan atau *eco-park* di Malaysia pada masa yang akan datang.

66. PR-000-L43106

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan berhubung dengan status anak-anak pelarian yang diiktiraf Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR) yang memegang IMM13 yang tidak bersekolah yang dikhuatiri pada masa akan datang menjadi masalah sosial kepada penduduk Labuan.

67. PR-000-L42920

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula untuk menaik taraf perjawatan Polis Diraja Malaysia Bintulu, Sarawak yang mana satu ketika telah dipersetujui oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi selaras dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia Bahagian Miri dan Sibu; dan
- (b) apakah punca utama pihak Kementerian gagal untuk melaksanakan penaikan taraf ini.

68. PR-000-L42222

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membantu pekilang yang mengeksport barang mereka yang terjejas teruk disebabkan oleh kenaikan kadar nilai tukaran ringgit sejak akhir ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan insentif seperti kredit eksport untuk mengurangkan beban mereka.

69. PR-000-L42298

Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat mana Pasukan Petugas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara telah menjalankan tugasnya bagi memperkasakan projek Port Klang Free Zone (PKFZ). Berapakah jumlah pembiayaan yang dijangka terlibat dalam usaha yang dimaksudkan.

70. PR-000-L42976

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa sehingga kini belum terdapat sistem amaran banjir atau ramalan banjir yang khusus dibangunkan oleh para penyelidik di Malaysia memandangkan kejadian banjir kerap berlaku. Tidak adakah peruntukan khusus kepada penyelidik untuk mengkaji teknologi amaran banjir ini.

71. PR-000-L41658

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah 'saman ekor' yang dikeluarkan kepada ketua-ketua polis dan pegawai-pegawai tertinggi dalam pasukan polis dan keluarga mereka di seluruh Malaysia dalam tahun 2008, 2009, 2010 dan berapakah nilai denda yang telah dibayar mereka.

72. PR-000-L41137

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selepas 23 kali mengadakan Ops Sikap setiap kali musim perayaan, apakah pengajaran yang telah didapati daripada operasi-operasi tersebut yang boleh digunakan untuk tindakan-tindakan yang lebih berkesan bagi penambahbaikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Luar Negeri**

Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 39/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010— **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”** (6 April, 2011)

[Kementerian Pengangkutan]

2. (D.R. 42/2010) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R. 44/2010) Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 “

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

4. (D.R. 4/2011) Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

5. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Kewangan]

6. (D.R. 48/2010) Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

7. (D.R. 2/2011) Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri]

8. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “

[Kementerian Pertahanan]

9. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 “

[Kementerian Belia dan Sukan]

10. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim
(Pindaan) 2011 " "

[Perdana Menteri]

11. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan)
2010 " "

**[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan]**

12. (D.R. 7/2011) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan
Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan)
(Pindaan) 2011 " "

**[Kementerian Perdagangan Antarabangsa
dan Industri]**

13. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Kampong Bharu 2010 " "

**[Kementerian Wilayah Persekutuan dan
Kesejahteraan Bandar]**

14. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan
Perkhidmatan 2009 " "

[Kementerian Kewangan]

15. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa Danalntra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,500 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) yang diterima di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

17. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

'Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni'."

18. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 11 subseksyen 2 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.14 dan ST.15 tahun 2011 disahkan."

19. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 5(3) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 supaya perintah Cukai Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.16 tahun 2011 disahkan."

20. PR-000-U41312

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara kita sering dilanda bencana banjir kilat yang bukan sahaja mendatangkan kerugian kepada rakyat dan negara, malah terdapat juga kehilangan nyawa. Dan mengambil maklum bahawa sebahagian besar punca berlakunya bencana banjir kilat ini disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, di mana sungai-sungai, saliran-saliran dan kolam-kolam takungan air telah menjadi cetek disebabkan oleh mendapan lumpur dan pasir. Dan mengambil maklum juga bahawa mendapan lumpur dan pasir-pasir di tempat-tempat yang disebutkan tadi adalah disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri, misalnya penimbusan tanah secara terbuka, pembangunan tidak terancang, pembukaan ladang-ladang dan lain-lain lagi aktiviti pembangunan. Dan mengambil maklum bahawa dalam banyak kes, laporan kesan alam sekitar (EIA) tidak disediakan langsung atau tidak dipatuhi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian yang berkaitan untuk memindah mana-mana akta yang perlu bagi menguatkuasakan peraturan sedia ada atau peraturan baru bagi mengatasi masalah yang mendatangkan kerugian besar kepada negara dan rakyat ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

21. PR-000-U41326

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah perkuburan yang tidak terurus atau dikendalikan dengan baik, di mana ianya tidak disusun dengan rapi yang menyebabkan banyak kawasan kubur yang tidak dapat digunakan. Dan mengambil maklum bahawa kos penyelenggaraan dan pemuliharaan tanah perkuburan kian meningkat, banyak tanah perkuburan yang terbiar dan menjadi seperti kawasan belukar. Dan mengambil maklum juga bahawa kebanyakan tanah perkuburan tidak dijaga ataupun diselia dengan baik kecuali sesetengah tanah perkuburan yang ditadbir oleh badan JKKK atau JK tanah perkuburan di kampung yang berkaitan. Dan mengambil maklum juga bahawa pada ketika ini belum ada mana-mana peraturan sedia ada yang memastikan satu-satu tanah perkuburan diselenggara atau dijaga dengan baik bagi memastikan ianya sentiasa bersih dan terpelihara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu lembaga atau yayasan yang akan bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menyelia tanah-tanah perkuburan di seluruh negara agar ianya sentiasa terpelihara sama ada dari segi kesihatan, kebersihan maupun keindahan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

22. PR-000-U41335

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah tanah terbiar kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa masalah bukan sahaja tidak mendaraskan sebarang hasil kepada pemilik tanah tersebut, malah ianya akan mendaraskan masalah lain seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, ular, tikus dan sebagainya yang boleh mendaraskan berbagai jenis penyakit. Dan mengambil maklum juga bahawa perkara ini berlaku kerana beberapa sebab misalnya si pemilik tidak mampu untuk mengusaha tanah tersebut , tanah tersebut terlalu kecil keluasannya, keluasan tanah yang tidak mencukupi bagi syarikat besar seperti FELCRA untuk mengusahaannya dan lain-lain sebab lagi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu akta atau peraturan di mana ianya akan dapat mendorong atau memastikan bahawa pemilik tanah-tanah terbiar tersebut untuk mengusahaannya. Di samping itu, menubuhkan satu koperasi bagi memajukan tanah-tanah tersebut dengan dana disumbangkan oleh syarikat swasta (di bawah Program CSR) dan Kerajaan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

23. PR-000-U41341

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kebanyakan benteng sungai-sungai di pekan-pekan utama dibina dengan konkrit. Dan mengambil maklum bahawa sungai-sungai konkrit ini bukan sahaja tidak mesra alam, tumbuhan yang lazimnya tumbuh di tebing-tebing sungai juga tidak dapat tumbuh. Dan mengambil maklum juga bahawa sungai-sungai konkrit ini juga tidak memberikan ruang bagi ikan-ikan di sungai untuk meletakkan telur mereka dan membiak, seperti mana lazimnya berlaku di sungai-sungai semulajadi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menambah mana-mana peraturan sedia ada, supaya benteng-benteng sungai dibina dengan menggunakan cerucuk kayu keras ataupun "*interlocking bricks*" bagi membolehkan rerumput tumbuh dan juga ikan-ikan bertelur dan membiak (sebagaimana yang dibina di bandar Sibu, Sarawak). Kaedah ini adalah lebih mesra alam di samping mengekalkan flora dan fauna serta kehidupan marin sungai tersebut."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

24. PR-000-U41523

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor seperti inflasi, dasar yang tidak adil, keadaan hak asasi, kedudukan kekurangan kebebasan media yang menjelaskan kehidupan rakyat. Bahawa Dewan ini juga membincangkan apakah perbezaan di antara Malaysia berbanding dengan negara Mesir yang mengalami pemberontakan 'bunga melati' moden."

(Perdana Menteri)

25. PR-000-U41525

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keperluan untuk mengkaji secara menyeluruh kekurangan kualiti sesetengah doktor di negara ini serta cara-cara untuk mengatasinya. Dewan ini juga membicarakan sebab-musabab Majlis Perubatan Malaysia tidak dapat mengawal dengan berkesan standard graduan perubatan lebih 3,500 orang setiap tahun."

(Menteri Kesihatan)

26. PR-000-U43074

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

27. PR-000-U43075

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

28. PR-000-U43076

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

29. PR-000-U43077

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

30. PR-000-U43078

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

31. PR-000-U41480

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan membincangkan mengenai perjanjian di antara pihak Petronas dengan Kerajaan negeri Sabah dan Persekutuan berkaitan cari gali minyak yang bukan sahaja mengandungi minyak mentah tetapi juga terdapat bahan-bahan lain seperti gas agar pihak-pihak yang berkenaan dapat menentukan dasar dan cara untuk meneliti dan mengkaji semula hasil galian tersebut demi untuk kebaikan bersama".

(Perdana Menteri)

32. PR-000-U41484

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini menetapkan dan meluluskan supaya kakitangan Kerajaan yang ditugaskan oleh SPR semasa pilihan raya berlangsung dan mereka yang bertugas di luar kawasan pada ketika itu termasuklah anggota polis, tentera dan sebagainya yang membuang undi secara undi pos seharusnya mengundi dengan sebebas-bebasnya tanpa dipengaruhi atau diarah oleh mana-mana pihak. Para pengundi pos ini mesti dan haruslah membuang undi untuk calon dari kediaman asal atau alamat tetapnya dan bukan di kawasan di mana pengundi itu bertugas."

(Perdana Menteri)

33. PR-000-U41490

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membincangkan dengan seriusnya mengenai kemuliaan rakyat negara kita sebagai Rakyat Malaysia dengan suku-suku kaum masing-masing dan bukan hanya dengan sebutan suku kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang jelas mengetepikan suku-suku kaum dari Sabah dan Sarawak. Keadaan tersebut merupakan satu penghinaan bagi kaum-kaum dari Sabah dan Sarawak yang dicatat sebagai 'lain-lain' dalam borang-borang pentadbiran Kerajaan yang perlu dicatat sejelas-jelasnya mengikut suku bangsa rakyat Malaysia yang telah wujud sekian lama di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

34. PR-000-U41436

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan mereka sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

35. PR-000-U41440

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepetimana yang diamalkan di negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi sendiri".

(Perdana Menteri)

36. PR-000-U41442

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kementerian Pelajaran menyemak dan menyusun semula sukanan pelajaran subjek Sejarah Malaysia bagi memasukkan input yang tertinggal supaya ia lebih komprehensif, terbuka dan menjadi menarik untuk dipelajari".

(Menteri Pelajaran)

37. PR-000-U42596

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya menubuhkan satu badan bebas bagi menjalankan kajian terperinci untuk mengenalpasti keperluan untuk membina sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru."

(Menteri Pelajaran)

38. PR-000-U42599

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus mengambil maklum bahawa Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang bagi mensyaratkan semua wakil rakyat mengumumkan aset milikan/kekayaan peribadi secara terbuka".

(Perdana Menteri)

39. PR-000-U42601
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini harus meminta Kerajaan supaya mengambil ketetapan yang rasional dalam pemilihan jumlah golongan bukan melayu secara seimbang dalam sektor perkhidmatan awam."

(Perdana Menteri)

40. PR-000-U42289
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak kepada Negeri untuk melantik Pegawai Eksekutif *Ex-officio* yang memberi kuasa kepada Menteri Besar yang dipilih rakyat dan menghormati kedaulatan negeri. Jelasnya, pemindahan Perlembagaan pada Tahun 1983 terbukti adalah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara untuk campur tangan dalam pentadbiran negeri."

(Perdana Menteri)

41. PR-000-U41589
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya mencadangkan kepada Kerajaan agar:-a) mengurangkan umur minimum kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun;b) menjadikan pendaftaran untuk mengundi adalah satu perkara yang automatik; dan c) pengundi berdaftar adalah diwajibkan keluar mengundi."

(Perdana Menteri)

42. PR-000-U41590
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan agar satu mekanisma yang efektif dalam bentuk jangka masa pendek dalam menangani masalah banjir di negara ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

43. PR-000-U41591
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar Kerajaan dapat mengawal harga barang asas seperti susu, gula dan tepung yang kerap naik harga tanpa mengambil kira kesannya terhadap rakyat yang rata-ratanya berpendapatan sederhana dan rendah."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

44. PR-000-U41592

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil perhatian secara serius di mana terdapat ramai golongan muda kini telah diisyiharkan muflis akibat dari penggunaan kad kredit yang tidak terkawal."

(Menteri Kewangan)

45. PR-000-U41594

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengarahkan Kerajaan untuk meminta semua penerima konsesi tol agar mengkaji semula kadar tol di negara ini bagi mengurangkan beban rakyat."

(Menteri Kerja Raya)

46. PR-000-U41597

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar agama, dat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri dari pelbagai kaum bagi mengelakkan perkara yang berlaku baru-baru ini di mana seorang pelatih beragama Sikh dipotong rambut panjangnya di Kem Pusat Khidmat Negara tidak berulang. Isu ini adalah pelanggaran hak asasi manusia dan hak beragama di Malaysia. Suruhan Siasatan Diraja harus ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini. Jikalau orang ramai mengenali agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup kaum lain, perkara seumpama ini tidak akan berlaku dan isu perkauman juga dapat dihindari."

(Menterian Pelajaran)

47. PR-000-U41600

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi lebih banyak peluang kepada masyarakat miskin tanpa mengira agama dan bangsa serta orang yang kurang upaya menjawat jawatan di sektor awam."

(Perdana Menteri)

48. PR-000-U41606

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan *Wifi* di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat menggunakan internet bagi menambah pengetahuan mereka dan ini dapat menggalakkan semua lapisan masyarakat menggunakan internet."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

49. PR-000-U41609

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyedia lebih banyak perkhidmatan membekalkan gas bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

50. PR-000-U41611

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan menggubal undang-undang agar anak-anak dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka mengabaikan ibu bapa mereka yang sudah tua."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

51. PR-000-U42038

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara".

(Menteri Pertahanan)

52. PR-000-U42040

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong bahawa Perdana Menteri untuk menjelaskan kekeliruan yang disebabkan atas jawapan beliau tentang perbelanjaan Isteri Perdana Menteri pada Dewan yang lepas iaitu pada November 2010 yang tidak dipadani dengan kewujudan "First Lady of Malaysia Division" seperti yang ditunjukkan oleh direktori laman web Jabatan Perdana Menteri."

(Perdana Menteri)

53. PR-000-U42020

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Arab Saudi, Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia dan pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan "Ops Piramid" untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang terperangkap dalam pergolakan berdarah di bumi Mesir".

(Menteri Luar Negeri)

54. PR-000-U42023

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri supaya keanggotaan Panel Perunding dan Pencegah Rasuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dikaji semula bagi mengelakkan sebarang tindakan anggota panel yang mencatatkan imej SPRM dan Kerajaan."

(Perdana Menteri)

55. PR-000-U42025

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YAB Perdana Menteri mengkaji semula pengurusan dana dan bentuk pelaburan Lembaga Tabung Haji Malaysia. Dewan ini sedar tentang wujudnya kerisauan di kalangan umat Islam tentang penglibatan Lembaga Tabung Haji dalam pelaburan berisiko tinggi di dalam dan luar negara".

(Perdana Menteri)

56. PR-000-U42028

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil langkah-langkah perlu untuk membersihkan bandaraya-bandaraya kita daripada sindiket "pengemis dan peminta derma" yang memperalatkan kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya dan pendatang asing. Dewan sedar bahawa tindakan 'pengemis dan peminta derma' ini menjelaskan imej negara dan menimbulkan persepsi negatif terhadap Kerajaan dan rakyat, selain masalah keselamatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

57. PR-000-U42030

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Kewangan memansuhkan pendekatan penghapusan subsidi secara total dalam kerangka Model Baru Ekonomi (NEM). Dewan mengambil iktibar bahawa tindakan drastik penghapusan subsidi akan menggugat kestabilan sosial dan mungkin mengancam keselamatan negara seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran, termasuk Indonesia pada lewat tahun 90an dan situasi terkini di negara Mesir."

(Menteri Kewangan)

58. PR-000-U42273

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatuksa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agong Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Dalam Negeri)

59. PR-000-U42275

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

60. PR-000-U42278

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Pengawas (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalahgunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

61. PR-000-U42196

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

(Perdana Menteri)

62. PR-000-U42197

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2010 dikuat kuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

63. PR-000-U42199

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

64. PR-000-U42201

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan imbuhan perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

65. PR-000-U42203

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 20 peratus."

(Perdana Menteri)